

Fahami angin politik pengundi muda

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI

Penyarah Kanan, Fakulti Sains, Undang-Undang dan Perundangan, Universiti Kebangsaan Malaysia



CUACA panas mencecah 35 darjah Celsius melanda ketika ini turut datang bersekali dengan bahang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah mula dirasai di seluruh negara. Walaupun masih jauh dari garis penamatnya, demam PRU dirasakan semakin hangat dengan kibaran semakin banyak bendera parti-parti politik walaupun calon yang bakal bertanding belum diumumkan.

Justeru, sebagai pemerhati terhadap sikap dan tingkah laku sosial dalam media massa, penulis berasa amat tertarik dengan kuasa serta pengaruh golongan muda ini dalam memeriahkan lagi pesta demokrasi yang wujud seiring dengan keluhuran perlembagaan negara.

Menyadari kepentingan itu, tidak hairanlah apabila melihat ahli politik seperti Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Khairy Jamaluddin turut melancarkan manifesto khas untuk golongan muda. Justeru, adakah golongan ini mampu menentukan masa depan politik negara?

Disebabkan tarikh mengundi jatuh pada bukan cuti semester, penulis dapat melihat ramai dalam kalangan mereka melakukan pelbagai cara kreatif untuk memastikan dapat melaksanakan tanggungjawab mengundi kelak.

Ada yang menggunakan saluran media sosial dengan hashtag antaranya seperti #carpoolGE14 bagi menarik golongan muda khususnya berada di kolej atau universiti untuk pulang secara beramai-ramai dengan berkongsi kereta.

Apatah lagi tarikh tersebut telah diisytiharkan sebagai cuti umum, sekali gus memudahkan mereka untuk merancang perjalanan.

Penglibatan generasi muda dalam pembentukan landskap politik tempatan tidak dapat dinafikan. Ia bukan sahaja berlaku dalam negara ini, tetapi merebak ke seluruh dunia. Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR),



PENGUNDI muda turut memainkan peranan penting dalam penentuan keputusan pilihan raya tahun ini. - Gambar hiasan

sehingga 30 Jun 2017, sejumlah 14,622,640 pengundi berdaftar. Daripada jumlah itu, 7,883,017 ialah pengundi Melayu, termasuk 3,637,312 pengundi Melayu generasi muda di bawah umur 39 tahun.

Daripada jumlah itu pula, 1,566,562 adalah pengundi Melayu di bawah umur 29 tahun. Dengan itu, dianggarkan lima juta pengundi muda bakal mengundi buat kali pertama pada PRU-14, berbanding dengan hanya 600,000 pengundi muda pada PRU-12 dan kira-kira tiga juta pada PRU-13.

Negeri Johor misalnya mencatatkan sekitar 40 peratus pengundi muda daripada keseluruhan 1.8 juta pengundi.

Maka, dapat disimpulkan bahawa kuasa mereka sebagai penentu keputusan pilihan raya amat besar. Justeru, adalah menjadi satu keperluan kepada mereka untuk memilih parti yang bakal menerajui masa depan mereka adalah parti yang memenuhi cita rasa dan hasrat anak muda.

Angin politik

Dalam konteks PRU-14 kali ini, sukar untuk menentukan bagaimana bentuk landskap politik Malaysia pascamengundi 9 Mei kelak. Beberapa penganalisis politik yang penulis temui menjangkakan keputusan PRU kali ini boleh ditentukan berdasarkan simulator dan analisis data yang wujud ketika PRU-13 lalu.

Walau bagaimanapun, penulis melihat keputusan PRU-14 kali ini agak unik kerana tiada siapa dapat menjangka perolakan angin politik atau sentimen semasa yang wujud dalam diri pengundi khususnya pengundi baharu.

Justeru, dengan wujudnya pelbagai senario ketika ini termasuklah perubahan garis persempadanan dan perlawanan yang melibatkan banyak penjuror, pasti menghasilkan satu pola pengundian baharu yang bakal terbentuk pada 9 Mei nanti.

Jika parti-parti politik PRU-13 lalu melakukan pendekatan satu lawan satu sama seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat, keputusan perlawanan pelbagai penjuror yang bakal diperkenalkan pada PRU-14 kali ini adalah sama seperti PRU yang wujud di kebanyakan negara seluruh dunia seperti Indonesia, Perancis, Turki dan sebagainya.

Ia juga bakal mencatatkan sejarah tersendiri dengan gabungan tiga parti utama bakal berentap iaitu Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera.

Senario menarik juga bakal dilihat khusus bagi negeri-negeri 'panas' Semenanjung seperti Terengganu dan Perak yang meraih majoriti tipis pada PRU lalu.

Sebagai peserta pesta demokrasi ini, kita sebagai rakyat perlu menghormati setiap

keputusan majoriti bakal diraih nanti.

Pastinya, memilih calon bukan sekadar mereka yang hanya mampu menguruskan jalan berlubang atau berkokok dalam media sosial.

Media sosial

Kini, semakin meningkatnya arus kemodenan yang dirasai di seluruh negara, ia secara langsung memberikan impak besar kepada meningkatnya tahap literasi politik atau celik politik dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang pengundi lebih kritikal.

Pemilihan seseorang calon wakil rakyat bukan hanya bergantung kepada faktor personaliti semata-mata, tetapi lebih melebar kepada soal latar belakang calon dan juga parti yang mereka tandangi.

Penulis melihat trend pengundian generasi muda banyak dipengaruhi soal yang berkait rapat dengan kepentingan mereka. Antaranya seperti soal kenaikan kos yang membebankan kehidupan harian serta peluang pekerjaan yang kian terhad ditawarkan. Justeru, adalah lebih baik bagi bakal pemimpin kelak untuk memikirkan cara memperkasakan kelestarian kehidupan mereka untuk lima tahun akan datang.